

Program Zero Bully



Pelajar menyaksikan slot video buli pada program Zero Bully.

Gelegat pelajar Tingkatan Satu ketika aktiviti latihan dalam kumpulan pada program Zero Bully SMK Hillcrest.

Interaktif



Program ini bagus kerana memberi maklumat lebih tepat mengenai gejala buli kepada pelajar seperti kami

Farah Isyaytie Asmaei, 13 Pelajar SMK Hillcrest



Pelajar harus prihatin terhadap hal di sekeliling dan mengelak daripada menjadi mangsa atau pembuli yang tidak membawa sebarang kebaikan kepada diri

Adam Al-Wafiy Muhammad Zailani, 13 Pelajar SMK Hillcrest



Encik Zhakir Hussain

mengambil tindakan segera bagi membanteras gejala buli daripada terus menular di sekolah.

"Kami tidak mahu sebarang masalah timbul kerana kadangkala pihak sekolah langsung tidak tahu mengenai kejadian buli kerana tidak dimaklumkan berikutan mangsa takut untuk membuat laporan," katanya.

Tang Dipertua PIBG SMK Hillcrest, Encik Zhakir Hussain Abd Latif, berkata ibu bapa bimbang dengan situasi buli pada masa ini dan berpendapat program itu adalah platform terbaik untuk mendidik pelajar.

"Program ini amat bagus kerana sesi latihan dalam kumpulan (LDK) yang dikendalikan oleh JKM memberi gambaran lebih jelas kepada pelajar mengenai gejala, kesan dan akibat buli berbanding hanya program ceramah semata-mata," katanya.

Lapor segera kejadian buli supaya pihak sekolah dapat membanterasnya daripada menular

info

Program Zero Bully

- Membabitkan hampir 800 pelajar Tingkatan Satu dan Dua
- LDK dikendalikan oleh JKM Daerah Gombak
- Objektif menegak perubahan buli dalam kalangan pelajar

Oleh **Maria Uffa Zulfakeli**
maria.uffa@bh.com.my

↳ Gombak

Pendedahan awal mengenai gejala buli kepada pelajar yang baru memasuki alam sekolah menengah harus dilakukan segera supaya golongan muda itu benar-benar memahami perilaku negatif berkenaan.

Hal ini kerana tindakan seseorang pelajar yang baharu memasuki alam sekolah menengah mungkin berada di luar kawalan kerana berlakunya proses peralihan pemikiran dan usia dalam diri mereka.

Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Hillcrest, Taman Sri Gombak, di sini, Puan Jamaliah Ghazali, berkata menyedari hakikat itu, pihak sekolah mengambil inisiatif buat kali pertama memperkenalkan program Zero Bully bagi memberi pendedahan awal kepada golongan berkenaan mengenai gejala buli.

Katanya, fokus diberikan kepada pelajar Tingkatan Satu dan Dua kerana mereka adalah pelajar muda yang masih

tercari-cari haluan hidup sebagai pelajar di sekolah menengah.

Penekanan program

"Kita mahu golongan ini tahu apa yang perlu dilakukan sekiranya menjadi mangsa buli dan kesannya terhadap masa depan mereka sekiranya terjebak sebagai pembuli.

"Perkara ini antara yang ditekankan dalam program yang turut mendapat sokongan daripada Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) serta agensi kerajaan yang lain termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya kepada BH Minda, baru-baru ini.

Puan Jamaliah berkata, pelajar yang menjadi mangsa buli harus diberi maklumat sewajarnya supaya mereka bertindak pantas untuk melaporkan insiden yang berlaku ke atas mereka.

Katanya, pihak sekolah harus mengetahui mengenai perkara itu bagi mengelak daripada masalah timbul di kemudian hari dan dipersalahkan dalam hal demikian.

Beri maklumat

"Mangsa buli tidak perlu takut melaporkan kejadian yang menimpa diri mereka supaya pihak pengurusan sekolah dapat



Puan Jamaliah Ghazali

redaksi

- BERKANGKANG BERSEKUTIF: BERITA HARIAN/DIGITAL oleh Ahmad Zaini amaruwazaini
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: ROY ANGGUN/Utusan Melayu
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: Fadzlan Jafar
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: Ridaeani Yop
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: PENYANTUNG BERSEKUTIF: Mohd Zia Mohd Ali
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: Syahida Cicu Abdulrahman
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: WEKMASTER BERSEKUTIF: Shaheer Selamat
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: ESEKUTIF BERSEKUTIF: Nurhaziqi Vahya
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: PENYANTUNG BERSEKUTIF: Muhammad Fikri Alif Ruzita Peckok
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: PENYANTUNG: Aicheh Al Rahman
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: WARTAWAN: Maria Uffa Zulfakeli
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: ARTIS BERSEKUTIF: Mervinatul Rosa
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: ILLUSTRATOR: Khairul Anwar Md Mar (Van) Mohd Kahrol Kizim Roslan
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: PENGALAMAN: TEL: 1 900 22 0767
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: BERITA HARIAN: TEL: 1 900 22 0767
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: FAX: 603 2382 1139
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: LANGKAPAN: JABATAN PENGEDARAN DAN JUALAN, ANHBAR NSTP 31, JALAN HONG, 50100 KUALA LUMPUR
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: TEL: 603 2724 9959
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: SANGK: 7752 / 7715
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: Email atau surat ke alamat: beritaharian@bh.com.my
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: 31, Jalan Hong, 50100, Kuala Lumpur
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: www.bhpendidikan.com.my
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: @bpendidkm
- BERKANGKANG BERSEKUTIF: @bpendidkm